

# PENERAPAN MAKLUMAT VARIASI NASIONAL DALAM KAMUS MELAYU-INDONESIA

*Ibrahim Haji Ahmad*

## **Abstrak**

Kajian yang menggunakan kaedah perbandingan ini bertujuan untuk melihat senario perkamusan Melayu dan Indonesia dari sudut leksikal. Beberapa buah kamus telah dipilih. Ini termasuklah *Kamus Dewan (KD)* edisi keempat (2005), *Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI)* edisi ketiga (2001), *Kamus Melayu Global* (1996), *Kamus Umum Bahasa Indonesia* Badudu-Zain (1994) dan *Kamus Bahasa Melayu* R.O. Winstedt (1960). Kajian ini memberikan fokus kepada aspek penerapan maklumat variasi nasional dalam kamus. Apakah kamus-kamus tersebut secara seimbang mencerakinkan maklumat variasi tempatan atau variasi asing. Beberapa saran telah diajukan dan semua ini mengacu kepada usaha memberi input penting kepada dunia leksikografi Melayu-Indonesia.

## **Abstract**

*This research is a comparative study that discusses the scenario of Malay and Indonesian dictionaries from the lexical aspect. It is based on the analyses of Kamus Dewan, Fourth Edition (2005) (henceforth, KD), Kamus Besar Bahasa Indonesia, Third Edition (2001) (henceforth KBBI), Kamus Melayu Global (1996), Kamus Umum Bahasa Indonesia Badudu-Zain (1994) and Kamus Bahasa Melayu R.O. Winstedt (1960). This study focuses on the national variation information treatment. The researcher found that all the dictionaries did not have balanced treatment of the information concerning the lexical aspect of the home variety and the away variety of the Malay language. Suggestions have been put forward that serve as valuable inputs for the development of the Malay-Indonesian lexicographic world.*

## PENDAHULUAN

Kegiatan penyusunan kamus sama ada di Malaysia atau di Indonesia mempunyai hubungan sejarah yang lama dengan masing-masing saling mempengaruhi antara satu sama lain. Walaupun dipisahkan oleh Selat Melaka dan gugusan pulau yang berselerakan mengikut sempadan geografi masing-masing, ini tidak menjadi halangan untuk kedua-dua negara berkongsi input linguistik yang sama, terutama dari aspek leksikalnya. Ini terpancar secara jelas dalam kamus-kamus yang dihasilkan, terutama dalam pemerian kosa kata umum<sup>1</sup> di dalam kamus.

Namun dalam sejarah awal tradisi penyusunan kamus, penerapan unsur regional atau kawasan bukan menjadi komponen penting di dalam kamus. Di Britain, kerja-kerja penyusunan kamus pada peringkat awalnya lebih tertumpu kepada pembentukan entri kata sukar. Tidak seorang pun penyusun kamus terkenal seperti Levins (1570), Mulcaster (1582), Coote (1596), Cawdrey (1604), Bullokar (1616), Cockeram (1623), Blount (1656), dan Philips (1658) memasukkan unsur regional di dalam kamus. Ini kerana tumpuan mereka lebih kepada memberikan makna kepada kata-kata sukar (Wakelin, 1987:157).

Menjelang abad ke-17 barulah kata-kata yang bersifat regional dimuatkan di dalam kamus-kamus Inggeris. Fenomena yang sama juga berlaku dalam sejarah perkamusan Melayu-Indonesia apabila tumpuan lebih kepada pemasukan kata-kata sukar sebagai entri kamus. Beberapa buah kamus seperti *Dictionary of the Malayan Language* (1812)<sup>2</sup> susunan William Marsden, *Kitab Pengetahuan Bahasa* (1858) susunan Raja Ali Haji, *A Grammar and Dictionary of the Malay Language* (1892) oleh John Crawfurd tidak melakar unsur regional secara jelas di dalam kamus. Menjelang awal abad ke-20 barulah unsur regional diberikan penekanan di dalam kamus.

Penerapan unsur regional di dalam kamus bermula apabila terdapat

- 
- 1 Yang dimaksudkan dengan kosa kata umum ialah kosa kata sepunya yang pemakaiannya merentas sempadan geografi kedua-dua buah negara. Kosa kata sepunya meliputi kosa kata yang digunakan oleh kedua-dua negara, di samping kata-kata pinjaman yang sudah terserap dalam bahasa Melayu-bahasa Indonesia. Kajian ini hanya memberikan fokus kepada abjad K dan abjad S.
  - 2 Marsden ada menerapkan bahasa daerah Jawa (*miskici*, *konta*), tetapi tidak ada bahasa daerah lain yang dimasukkan.

kecenderungan memantapkan metabahasa sesebuah kamus yang bukan sahaja memasukkan maklumat pemerian makna, malah diperkaya dengan maklumat nahu, maklumat pragmatik (label penggunaan), maklumat tipografi dan sebagainya. Ini dapat diperhatikan dalam *A Malay-English Dictionary* (1901) susunan R.J. Wilkinson serta diikuti oleh kamus-kamus lain seperti *Kamus Bahasa Melayu* (1960) oleh R.O. Winstedt. Terdapat beberapa pertimbangan yang mewajarkan penerapan unsur regional di dalam kamus. Burchfield (1985:127) berpendapat bahawa aplikasi unsur regional (dialek) di dalam kamus kerana kata-kata tersebut digunakan oleh penulis terkenal. Di samping itu, kata-kata tersebut digunakan secara meluas di negara lain, selain digunakan di negara asal. Dan yang signifikannya, kata-kata tersebut menjadi istilah teknikal dalam teks geografi.

Seterusnya, penerapan unsur regional begitu penting untuk mencapai tahap kecekapan komunikatif, terutama untuk mengatasi masalah perbezaan leksikal bagi bahasa yang bervariasi. Dalam konteks variasi nasional seperti bahasa Melayu Malaysia (BMM) dan bahasa Indonesia (BI), pelabelan unsur diatopik diperlukan untuk mengesan perbezaan leksikal yang wujud dalam kedua-dua bahasa tersebut.

## Latar Belakang

Dalam konteks leksikografi, unsur variasi kawasan atau regionalisme dikaitkan dengan konsep diatopik (Hausmann, 1989; Hartmann dan James, 1998). Maklumat diatopik merupakan ciri-ciri penggunaan yang dikaitkan dengan kata atau frasa melalui dialek tertentu atau variasi bahasa kawasan. Ciri-ciri tersebut diberikan tanda di dalam kamus dengan menggunakan label penggunaan dalam suatu kontinum kawasan dari unsur “tempatan” atau dialek “provinsi” kepada “metropolitan” dan malah “variasi antarabangsa”. Zon berkecuali disebut “*home variety*” seperti *BrE* dalam kamus di UK atau *AmE* dalam kamus di USA (Hartmann dan James, 1998:40).

Konsep diatopik di dalam kamus diberikan penamaan yang berbeza oleh kalangan ahli metaleksikografi. Pelbagai istilah digunakan untuk menggambarkan pola diatopik di dalam kamus. Sebagai jujuk dalam maklumat diasistemik di dalam kamus, unsur diatopik sering dimuat dalam kamus umum dan kamus khusus seperti kamus dialek. Gambarannya adalah seperti yang berikut:

**Jadual 1** Konsep variasi kawasan daripada pandangan peneliti kamus.

Nama Pengkaji	Tahun	Istilah atau konsep yang digunakan untuk pelabelan variasi kawasan/diatopik
McDavid	1979	Nasional; regional
Hartmann	1984	Dialek (regional label) Peringkat Nasional Variasi Antara Bahasa ( <i>Intelingual variants</i> ) seperti kata-kata asing
Card <i>et al.</i>	1984	Wilayah (spt Australian)
Benson <i>et al.</i>	1986	Regional (dialektal/regional)
Takahiro Kokawa	1989	Variasi Nasional (Brit, Am) Variasi Regional (Dialek) <i>Regionality of the denotata</i> (di America, di India)
Berg	1991	Regional (US, Canada)
Svensen	1993	Laras Geografi ( <i>geographical register</i> )
Jackson & Ze'Amvela	2000	Geografi (dialek, nasional)
Landau	2001	Variasi Geografi Regional
Atkin	2002	Regional (Brit, Ame)
Jackson	2002	Geografi (termasuk variasi nasional dan dialek regional di dalam variasi nasional)

Kebanyakan kamus memuatkan seluruh julat sistem tanda atau kependekan untuk menyatakan keterbatasan atau penggunaan khusus kata-kata yang disenaraikan di dalam kamus. Julat tanda atau senarai kependekan tersebut diaplikasikan pada struktur mikrokamus, terutama selepas kata entri. Pelabelan dilakukan sama ada menggunakan kata tunggal atau peranti penjimat ruang (Cassidy, 1972:49). Tanggungjawab besar bagi seseorang penyusun kamus adalah untuk mereka bentuk satu sistem yang jelas bagi pelabelan konteks penggunaan yang mewarnai sebahagian besar pemerian entri kamus.

Pada umumnya, penamaan unsur diatopik adalah seragam walaupun terdapat perincian yang berbeza. Pelabelan konsep diatopik diterapkan apabila sesuatu unsur dibataskan mengikut distribusi geografi tertentu. Menurut Jackson (2002:109), semua kamus mempunyai satu set label untuk menandai kata atau makna kata yang terbatas dalam konteks tertentu. Salah satu keterbatasan konteks tersebut ialah unsur diatopik. Kategori pertama merujuk kepada pengenalanpastian variasi nasional seperti *British English* (BrE) dan *Amerikan English* (AmE) (McDavid, 1979; Takahiro Kokawa,

1989). Ada yang mengklasifikasikannya sebagai geografi nasional (Jackson, 2002) dan regional nasional (Benson *et al.*, 1986; Berg, 1991; Atkin, 2002). Kategori kedua disebut variasi kawasan yang mendukung konsep dialek (Hartmann, 1984; Benson *et al.*, 1986; Takahiro Kokawa, 1989). Atau juga disebut sebagai geografi dialek (Jackson, 2002). Kategori ketiga, sesuatu benda, orang atau tindakan yang tidak dinyatakan melalui label, tetapi melalui frasa tertentu. Ini disebut oleh Takahiro Kokawa (1989) sebagai “*regionality of the denotata*” seperti dalam *CED (esp. U.S, chiefly U.S.)*, *LDEL (chiefly N Am)*, *AHCD (chiefly British)*, *WNWD (chiefly Brit.)*.

Kajian ini memberikan tumpuan kepada kategori pertama untuk melihat sejauh mana pelabelan perbezaan leksikal diterapkan di dalam kamus. Secara sepintas lalu, bagaimanakah kamus-kamus yang sedia ada menangani isu perbezaan leksikal terutama yang melibatkan variasi nasional? Benson *et al.* (1986:15) berpendapat bahawa penerapan kedua-dua variasi harus berdasarkan dua prinsip. Pertama, semua ahli leksikografi harus memilih variasi primer, sama ada BrE atau AmE. Dalam konteks kajian ini, variasi primernya adalah sama ada BMM atau BI. Kedua, variasi lain harus ditangani selengkapnya mengikut sistem fonetik, ciri-ciri ortografi, sintaksis, nahu, morfologi dan fitur leksikalnya.

Bagaimanapun, ada dua isu tentang kamus umum. Pertama, jika kamus ini mencakup keseluruhan kosa kata sesuatu bahasa tetapi dilihat dari perspektif regional, kamus ini disebut berciri nasional (Benson, 1997:104). Kedua, jika sesebuah kamus mengambil salah satu variasi nasional sebagai teras dan menambah pelbagai maklumat konteks penggunaan dari variasi nasional lain di serata dunia, kamus ini mempunyai ciri-ciri antarabangsa (Delbridge, 1993:29). Dalam konteks ini, sama ada disadari atau tidak oleh sidang editor *KD* dan *KBBI*, kedua-dua kamus tersebut sebenarnya mempunyai ciri-ciri antarabangsa kerana memasukkan sejumlah item leksikal daripada variasi nasional lain di dalam kamus.

Prinsip yang pertama kelihatan agak mudah dengan hanya memilih satu variasi primer, atau yang disebut oleh Ilson (1986:61) sebagai variasi tempatan. Variasi primer lebih berfokuskan variasi ejaan berbanding variasi leksikal. Benson (1986:15) sewaktu membuat perbandingan BrE dan AmE lebih memfokuskan kamus yang mana menampilkan unsur primernya dan kamus yang mana pula menampilkan bentuk variannya? Yang kedua, bentuk mana yang digunakan sebagai bahasa takrif. Jika bentuk primer dalam kata entri untuk kata “wang/uang” digunakan untuk mendefinisikan entri “bank, dana, dan tabung”, ini bermakna kamus-kamus tersebut telah mempunyai variasi primernya.

**Jadual 2** Variasi Primer dalam *KD* dan *KBBI*.

Nama kamus	Variasi primer dalam definisi	Variasi yang digunakan dalam definisi lain, seperti entri bank, dana, tabung
KD	wang	wang
KBBI	uang	uang

Prinsip yang kedua kelihatan agak sukar kerana harus menelusuri sama ada setiap kamus menangani selengkapnya variasi lain. Ini disebut oleh Hewitt (1997:49) sebagai variasi asing. Ketiga, kriteria yang berkaitan dengan penerapan unsur variasi tempatan. Bagi Ilson (1986: 61) tidak pernah dipersoalkan bahawa Britishisme dilabelkan di dalam kamus di Amerika Syarikat (USA), dan Amerikanisme dilabelkan di dalam kamus di United Kingdom (UK). Tetapi adakah kamus di USA melabelkan Amerikanisme? Adakah kamus di UK melabelkan Britishisme? Inilah persoalan yang berlaku di dalam kebanyakan kamus di UK dan USA sendiri, hatta termasuk kamus Melayu-Indonesia sendiri. Bagi Ilson, kesalahan dalam menangani variasi bahasa Inggeris ini disebut sebagai sifat kedaerahan yang tidak menentu. Kajian ini akan memberikan fokus kepada variasi tempatan dan variasi asing.

### **Pendirian Penyusun atau Penerbit Kamus dalam Menangani Isu Variasi Nasional dalam Kamus: Beberapa Tinjauan Kepustakaan**

Sememangnya diakui bahawa metabahasa sesebuah kamus ditentukan oleh penyusun atau penerbit kamus. Peranan mereka cukup besar sehingga Rey (dalam Bejoint, 2000:36) pernah melakar satu tipologi mengikut sudut pandangan penyusun kamus apabila mereka bentuk dan menyusun sesebuah kamus. Metabahasa kamus memaparkan penglihatan dunia seseorang ahli leksikografi dan bahasa yang dibincangkan ditapis atau disaring melalui penglihatan dunia tersebut. Menurut Rosamund Moon (1989:158), kamus merupakan rekod kepercayaan tentang bahasa yang menjadi subset kepada pengguna bahasa tersebut, dan agak mustahil kepada penyusun kamus untuk mengelakkan diri daripada bersikap prasangka terhadap bahasa yang ditakrifkan dan dihuraikan oleh mereka sendiri. Ini bermakna kamus dianggap mempunyai ideologi kerana disusun oleh seseorang yang tidak

dapat lari daripada menyatakan pandangan dan prasangka dalam kelompok sosial yang diwakilinya. Begitu juga dengan Landau (2001:303) yang menyatakan bahawa dalam konteks sistem nilai seseorang ahli leksikografi, kandungan kamus banyak bergantung pada pandangan dan prasangka golongan berjawatan tinggi, terpelajar, dan golongan kelas atasan. Begitu juga dengan Samuel Johnson secara tidak sedar mendefinisikan “oats” sebagai bijirin, jika di England selalunya diberikan kepada kuda, tetapi di Scotland digunakan untuk membantu orang ramai (Daintith, 1987:200). Samuel Johnson membiarkan prasangka personal menguasai dirinya sehingga lupa bahawa penyusun kamus tidak harus bersifat berat sebelah dan tidak memaksa pendapatnya diterima oleh pengguna kamus.

Ideologi dalam kamus lebih merupakan persoalan definisi dan konsolidasi sesuatu komuniti yang disatukan melalui perspektif yang dikongsi bersama terhadap sesuatu bahasa. Bagi Benson (2001:33), ideologi dalam kamus Inggeris biasanya dianggap sebagai satu perkara yang berkaitan dengan kandungan sesebuah kamus dan perspektif budaya yang dibawanya. Ini bermakna bahawa dasar penyusunan sesebuah kamus tidak pernah terlepas daripada pandangan dunia penyusun dan dunia bahasa yang diwakilinya. Ada juga pandangan yang melihat pegangan linguistik penyusun kamus mempengaruhi pemahamannya terhadap keterbatasan kata-kata regional di dalam kamus. Quirk *et al.* (1973:17) mengambil contoh seorang berbangsa British mendengar perbualan *American Southerner* secara primer sebagai orang berbangsa Amerika. Dia mengklasifikasikannya sebagai *Southerner*, tetapi penutur yang sama mula-mula mendakwanya sebagai *American Southerner*, kemudian sebagai *Virginian*, dan kemudian sebagai *Piedmont Virginian*. Quirk berpendapat adalah sukar bahawa faktor sedemikian memberi pengaruh yang besar kepada aspek leksikal.

Dalam hubungannya dengan pendirian penyusun dan penerbit kamus tentang penerapan unsur diatopik terutama yang melibatkan variasi nasional, terdapat beberapa kajian yang dilakukan oleh para peneliti kamus. Bejoint (1994:88) mengkaji pemasukan unsur Amerikanisme di dalam kamus-kamus British. Beliau mendapati bahawa penerapannya pada masa itu begitu tidak seimbang dan selalu tidak dapat diterangkan berbanding keadaannya pada hari ini. Bagaimanapun, ini merupakan kajian yang pertama mengkaji liputan unsur variasi antarabangsa di dalam kamus mengikut analisis data yang sistematik. Delbridge (1993:23–42) membuat tinjauan tentang kamus-kamus yang dihasilkan di USA, Afrika Selatan dan Australia. Delbridge melihat bahawa sejarah perkembangan variasi nasional dalam kamus-kamus Inggeris sebagai respons kepada pengeksportan kamus-kamus British yang

mengkodifikasikan bentuk bahasa lisan yang santun yang pada waktu itu tidak dapat memuaskan hati komuniti penutur bahasa Inggeris di seberang laut. Delbridge mengkritik kamus-kamus antarabangsa, terutama *Webster's Third New International Dictionary* (W3NID) yang kurang menerapkan kata-kata dari luar. Penilaiannya bahawa W3NID dipersembahkan dengan *AmE* menjadi terasnya, manakala yang lain seperti England, Australia, Kanada dan negara-negara lain secara sepintas lalu (hlm. 30).

Seterusnya, Ilson (1986:62) mengkaji penerapan beberapa kata British-American dalam kamus di UK dan di USA. Ilson mendapati kamus di UK, terutama *CED* lebih baik penerapannya berbanding dengan kamus di USA. Jelas bahawa kamus di Britain lebih peka menerapkan *American English* berbanding dengan kamus di Amerika yang menerapkan *British English* (hlm.62).

Seterusnya, Gorlach (1990:1478) membuat tinjauan terhadap 80 buah kamus Inggeris di seluruh dunia. Gorlach mendapati bahawa walaupun *OED* dan *CED* memasukkan kata-kata antarabangsa, dasar kamus-kamus British pada umumnya tidak konsisten. Yang pertama, bagi Gorlach kamus di Britain menandai kata atau makna sebagai *non-British*, tetapi tidak menandainya sebagai British. Padanan semantik istilah British yang disediakan hanya untuk *AmE*, tetapi bukannya dalam semua kamus. Yang kedua, maklumat stilistik terhadap kata-kata *non-British* jarang diberikan. Yang ketiga, dalam kamus eksklusif yang berkaitan dengan variasi nasional, pemasukan kriteria tidak selalu jelas dan kadang-kadang tidak konsisten antara kategori yang disebutkan di dalam kata pengantar dan kandungan kamus. Dan keempat, dakwaan di dalam kamus yang mengatakan kata atau istilah berdasarkan variasi yang disebutkan ternyata selalunya tidak tepat.

Jackson (1988:230) memberi komen tentang liputan yang diberikan terhadap kosa kata yang terbatas cakupan regionalnya di dalam kamus. Banyak kamus kelihatan memasukkan beberapa dialek (kecuali *CED*), tetapi majoritinya mengakui status internasional bahasa Inggeris dan memasukkan kata atau istilah daripada variasi nasional lain. Dalam tulisan lain Bejoint (1994:88) mendapati bahawa kamus untuk tujuan umum di UK dan USA semakin menerima konsep regionalisme dan variasi tempatan bahasa Inggeris, walaupun liputannya masih lagi tidak lengkap dan kadang-kadang tidak jelas. Beberapa buah kamus mula melabelkan konteks penggunaan British secara menyeluruh di dalam kamus. Kamus-kamus moden hari ini di UK dan USA sedang menuju ke arah ruang interpretasi yang menyeluruh yang secara tidak langsung berkecenderungan memasukkan lebih banyak



unsur regionalisme. Jackson (2002:72) berpendapat bahawa kebanyakan kamus di UK hari ini mempunyai perspektif antarabangsa dan memasukkan kata-kata yang secara khusus merujuk kepada kosa kata di kalangan negara yang bukan penutur asli bahasa Inggeris. Namun liputannya masih merujuk kepada Amerika Utara, Australia dan New Zealand. Yang lain seperti subbenua India, Afrika Barat, Caribbean, dan lain-lain kurang diberi tumpuan.

Namun John Algeo telah memaparkan fenomena yang menarik tentang pendirian penyusun dan penerbit kamus di Britain dan Amerika. Menurut John Algeo (1995:205), kamus Inggeris di Great Britain dan Amerika Utara telah menjalin hubungan yang erat, dengan setiap kamus saling mempengaruhi antara satu sama lain. Walaupun wujud hubungan yang erat sejak sekian lama, terdapat unsur berat sebelah yang kuat dalam kamus yang diterbitkan yang dipisahkan oleh Lautan Atlantik tersebut. Fenomena berat sebelah yang berlaku dalam kamus masing-masing dapat dilihat pada keterbatasan penggunaannya, pemilihan lema dan makna, kaedah definisi, sebutan, ejaan, kategori nahu, dan keterbatasan kolokasi. Misalnya, dalam konteks keterbatasan penggunaan, dibuat kajian tentang unsur Britishime dalam abjad A dari aspek bentuk, makna, sebutan, ejaan, dan nahu berdasarkan lima buah kamus. Berdasarkan *American Heritage Dictionary (Heritage)* edisi ketiga, terdapat 31 item mempunyai unsur Britishime, *Longman Dictionary of Contemporary English (LDCE)* mempunyai 47 item, *Longman Dictionary of the English language (LDEL)* mempunyai 102 item, *Random House Dictionary (RHD), 2nd Unabridged* mempunyai 219 item dan *Webster's New World, 3rd College Edition (WNW)* mempunyai 44 item Britishime.

Bagaimanapun, fenomena yang paling ketara yang melibatkan unsur berat sebelah dalam pelabelan variasi BrE ialah *Oxford English Dictionary (OED)*. Katanya, kesalahan yang terbesar dalam pelabelan unsur berat sebelah ini ialah *OED*. Editor *OED* berpendirian tidak perlu memasukkan label BrE atau *England English* (hlm. 208). Ini merupakan contoh klasik tentang unsur berat sebelah dalam kamus Inggeris yang didakwa mempunyai skop antarabangsa. Walaupun *OED* mempunyai label Amerikanisme, Australianisme dan beberapa variasi nasional lain, kamus ini dikritik kerana tidak mempunyai label Britishime. Perkembangan ini sudah tentu menuntut suatu anjakan dari segi amalan menerapkan unsur pelabelan variasi nasional dalam kamus yang disusun. Keadaan ini lebih mendesak jika status bahasa tersebut bersifat seperti *International English* yang mempunyai pelbagai variasi standard.

## Analisis Kajian

Suatu kajian yang lebih terperinci telah dilakukan oleh *The English Department*, Uppsala University Sweden pada 1986 tentang perbezaan leksikal berdasarkan variasi nasional BrE dan AmE. Sebanyak tiga buah kamus dikaji, iaitu *CED*, *Heritage*, *Webster's Ninth Collegiate New Dictionary* (*Webster 9*). *CED* secara eksplisit menjelaskan bahawa tujuan penyusunan kamus tersebut juga mencakup *International English*. Dalam kata pengantar kamus tersebut dinyatakan. Tumpuan besar diberikan terhadap sebanyak mungkin variasi nasional dan konteks penggunaan regional untuk memastikan skop kamus Inggeris bersifat antarabangsa sepenuhnya. Dalam halaman prakata disebutkan perhatian khusus diberikan terhadap pemilihan kata masukan dari Amerika, Australia, New Zealand, Negara Caribbean, Afrika Selatan dan beberapa negara lain yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa ibunda mereka.

William Morris (1969:vi), seorang editor *Heritage* dalam kata pendahuluan kamus ini menyebut bahawa bahasa orang Amerika mempunyai pelbagai bentuk. Salah satu pola untuk menggambarkan kenyataan implisit ini ialah pemasukan label regional British. Disebutkan juga, kamus tersebut tidak berusaha memasukkan *BrE* secara menyeluruh, tetapi beberapa istilah British perlu dimasukkan kerana berkongsi bahan bacaan yang sama. Dalam kata pengantar *Webster 9*, tidak dinyatakan secara jelas variasi bahasa Inggeris. Tetapi dalam bahagian label penggunaan disebutkan penggunaan semasa di semua kawasan di US tidak mempunyai label (hlm.17). Namun label Britishisme dimasukkan sebagai salah satu label kawasan. *CED* mempunyai 162 000 entri (edisi 1979), *Webster 9* mempunyai 160 000 entri (edisi 1983) dan *Heritage* (edisi 1976) tidak disebut secara nyata tentang jumlah entri.

**Jadual 3** Unsur Amerikanisme dan Britishisme (item leksikal bermula dengan abjad J, K, R, U, S).

Kamus	Amerika		Britain		AM + BR
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus	Jumlah
CED	387	54 %	334	46 %	721
<i>Heritage</i>	7	9 %	67	91 %	74

**Jadual 4** Unsur Amerikanisme dan Britishisme (item leksikal bermula dengan abjad F dan abjad G).

Kamus	Amerika		Britain		AM + BR
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus	Jumlah
<i>CED</i>	253	54 %	208	46 %	461
<i>Webster 9</i>	12	13 %	82	87 %	94

Berdasarkan kedua-dua sampel ini, *CED* menunjukkan jumlah perbezaan variasi regional yang tinggi, yakni 721 dalam sampel I dan 461 dalam sampel II. Menurut Norri (1996:6), *CED* merupakan sebuah kamus yang memerikan secara lengkap variasi regional bahasa Inggeris. Beberapa maklumat diatopik dicerakinkan melalui label diasistemik seperti label *U.S.* dan label *Brit* untuk memaparkan perbezaan butir leksikal. Pola Amerikanisme dan Britishisme dalam *CED* dianggap seimbang, iaitu dalam sampel I, 54 peratus bersifat Amerikanisme dan 46 peratus bersifat Britishisme. Begitu juga kedudukan dalam sampel II, iaitu 54 peratus bersifat Amerikanisme dan 46 peratus bersifat Britishisme, manakala dalam *Heritage* dan *Webster 9*, jelas mempunyai persamaan pola. Kedua-dua kamus tersebut mencatatkan variasi regional yang rendah. *Heritage* hanya mencatat sebanyak 74 variasi regional dalam sampel I, manakala *Webster 9* mencatat sejumlah 94 variasi regional dalam sampel II. Kedua-dua kamus mempunyai jumlah label Britishisme yang tinggi berbanding label Amerikanisme, iaitu 67/74 atau sebanyak 91 peratus dalam *Heritage* dan 82/94 atau 87 peratus dalam *Webster 9*.

### **Penerapan Variasi Nasional dalam Kamus Melayu-Indonesia: Kajian Kes**

Setakat ini belum ada lagi kajian yang dilakukan tentang penerapan variasi nasional dalam kamus-kamus ekabahasa, sama ada di Malaysia ataupun di Indonesia. Sehubungan dengan itu, sebelum melihat penerapan variasi nasional di dalam *KD* dan *KBBI*, elok kiranya dilihat penerapan variasi nasional dalam kamus-kamus lain. Unsur berat sebelah dalam aspek pelabelan variasi nasional turut juga berlaku dalam kamus-

kamus ekabahasa Melayu-Indonesia. Gambaran ini dapat dilihat seperti yang berikut:

**Jadual 5** Jumlah Variasi Nasional Berlabel *Mal/Id* dalam *Kamus Melayu-Indonesia* (Berasaskan Abjad K dan S).

Nama kamus	BMM		Id		BM + Id
	Abjad K	Abjad S	Abjad K	Abjad S	(abjad K + abjad S)
<i>Kamus Indonesia</i> (1951), E. St. Harahap	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	
<i>Kamus Bahasa Melayu</i> (1960), R.O. Winstedt	6	4	168	81	249
<i>Kamus Umum B. Indonesia</i> (1976), W.J. S. Poerwadarminta	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	
<i>Kamus Umum Bahasa Indonesia</i> (1994), Badudu-Zain	Tiada	7	Tiada	Tiada	7
<i>Kamus Melayu Global</i> (1996), Hasan Hamzah	Tiada	Tiada	54	88	142

Ternyata kamus ekabahasa di Malaysia seperti *Kamus Bahasa Melayu* susunan R.O. Winstedt pada 1960 banyak memuat variasi nasional BMM dan BI berbanding dengan lima buah kamus yang lain. Nisbah pelabelan variasi nasional BI melebihi pelabelan BMM untuk kedua-dua abjad. Penilaian kuantitatif ini menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan kepada penyusun kamus ini untuk menggarap pelabelan variasi nasional semaksimum mungkin untuk membantu pengguna kamus menjejak perbezaan leksikal antara kedua-dua bahasa yang bervariasi ini.

Gambaran penerapan label variasi nasional BMM dan BI dapat dilihat dalam *Kamus Bahasa Melayu* susunan R.O. Winstedt seperti yang berikut:

**Jadual 6** Pencerakinan Label *Mal/Id* dalam *Kamus Bahasa Melayu* susunan R.O. Winstedt.

Entri	<i>Kamus Bahasa Melayu (1960), R.O. Winstedt</i>
kalimantang	<i>In.</i> , cahaya memancar
karc(h)is	<i>In.</i> , surat nama sendiri ...
kas I	<i>In.</i> , bank ...
keran I	<i>In.</i> , pili
kisa I	<i>Mal.</i> , pukak tarek yang kecil
kiwi	<i>Mal.</i> , juru petak (di-perahu) ... chincu
komidi	<i>In.</i> , permainan orang jegela ...
kutat I	<i>Mal.</i> , berbisul-bisul
sabot	<i>In.</i> , perosokan (enjin, mesin) oleh musuh ...
sahi	<i>In.</i> , I. Lalai, alpa
selara I	<i>Mal.</i> , puchuk daun yang mudah tanggal sendiri-nya
selompot	<i>Mal.</i> , selaput, bunga lawang
sumbi	<i>In.</i> , kayu peregang tepi kain di-dalam akek ...

Begitu juga dengan *Kamus Melayu Global*. Walaupun kamus ini hanya menerapkan variasi asing, iaitu BI, sudah terdapat inisiatif awal ke arah pelabelan perbezaan leksikal berdasarkan variasi nasional di dalam kamus. Dalam prakata *Kamus Melayu Global* disebut “untuk menobatkan bahasa Melayu sebagai satu bahasa yang teragung dan bersifat global” (hlm. vi). Schubungan dengan itu, BI dimasukkan ke dalam kamus “berdasarkan pertimbangan yang ungkapan tersebut semakin meluas digunakan”. Dengan adanya kata tersebut yang sememangnya bahasa Melayu serumpun sudah tentu dapat memperkaya perbendaharaan kata. Gambaran penerapan maklumat variasi nasional BI dapat dilihat seperti yang berikut:

**Jadual 7** Pencerakinan Label *Mal/Id* dalam *Kamus Melayu Global*.

Entri	<i>Kamus Melayu Global (1996), Hasan Hamzah</i>
kabinet II	2. <i>Id</i> jabatan (terutama bagi presiden, perdana menteri dll); ...
kakus	<i>Id</i> jamban , tandas
karcis	<i>Id</i> tiket (wayang, bas, dll)
kas I	<i>Id</i> tempat membayar (menerima) wang)
senter	1. <i>Id</i> 1.= lampu ~ sj lampu picit 2. ...
sepur	<i>Id</i> kereta api
singkong	<i>Id</i> ubi kayu
sogang	<i>Id</i> sj pagar yg turusnya dipacakkan secara miring ...
supir	<i>Id</i> pemandu kereta

Terdapat beberapa jalur perbezaan leksikal yang diterapkan di dalam kamus. Pertama, terdapat kata yang sama, tetapi bertindihan komponen maknanya, yakni ada perbezaan dan persamaan dalam BMM atau BI. Ini seperti entri *kabinet* dalam *Kamus Melayu Global* dan entri *kalimantan* dalam *Kamus Bahasa Melayu*. Di samping itu, diterapkan juga kata yang berbeza, tetapi konsepnya sama. Pendekatan yang digunakan untuk menerangkan pola ini selalunya menggunakan kaedah sinonim seperti yang terdapat dalam entri *kakus*, *karcis*, *kas*, *senter*, *singkong* dan *supir* dalam *Kamus Melayu Global*.

Keadaan ini tidak berlaku dalam kamus-kamus ekabahasa di Indonesia. Ternyata kamus-kamus ekabahasa Indonesia tidak menggarap unsur diatopik berasaskan pelabelan variasi nasional secara menyeluruh di dalam kamus. Malah kamus-kamus ekabahasa yang penting seperti *Kamus Indonesia* susunan E. St. Harahap dan *Kamus Umum Bahasa Indonesia* susunan W.J.S. Poerwadarminta langsung tidak menerapkan pelabelan variasi nasional di dalam kamus. Mungkin ada hubungannya dengan tuntutan kamus-kamus yang dihasilkan pada ketika itu untuk lebih memberi tumpuan kepada unsur variasi regional (dialek) berbanding dengan unsur variasi nasional.

Dalam prakata *Kamus Indonesia*, disebutkan “kamus ini lebih tertumpu untuk menambah kata-kata baru dan yang lazim digunakan.” *KUBI* susunan Poerwadarminta pula dalam kata pengantar “lebih tertumpu sebagai pedoman praktis bagi masyarakat Indonesia (hlm. vi). Perkembangan ini sama seperti pandangan Bejoint (2000) yang melihat kamus-kamus British pada hari ini sedang menuju ke arah pelabelan konteks penggunaan regional British secara menyeluruh di dalam kamus.

Cuma *Kamus Umum Bahasa Indonesia* susunan Badudu-Zain pada 1998 mempunyai kecenderungan menggarap unsur variasi nasional di dalam kamus. Tetapi penggarapannya agak sedikit dan tidak menyeluruh di dalam kamus. Meskipun dalam prakata (edisi lama) disebut penerapan kata-kata yang bersifat internasional, penekanannya lebih kepada yang bersifat istilah khusus yang diambil daripada kamus M.J. Koenan-J.Endepols. Ternyata kamus tersebut belum mampu menyaingi *Kamus Bahasa Melayu*, susunan R.O. Winstedt dari segi penggarapan pelabelan variasi nasional bahasa Melayu-bahasa Indonesia. Sungguhpun begitu, *Kamus Bahasa Melayu* masih jauh dari segi mencapai keseimbangan dari segi penerapan pelabelan variasi nasional, seperti yang dilakukan dalam *CED*.

Gambaran penerapan label variasi nasional *Mal* dalam kamus ekabahasa di Indonesia dapat dilihat dalam *Kamus Umum Bahasa Indonesia*, susunan Badudu-Zain.

**Jadual 8** Pencerakinan Label *Id/Mal* dalam *Kamus Umum Bahasa Indonesia*.

Entri	<i>Kamus Umum B. Indonesia (1994), Badudu-Zain</i>
sarjan	( <i>Mal</i> ) sersan
selot	Induk kunci; ( <i>Mal</i> ) mangga kunci
sepeda	Kereta angin ...; ( <i>Mal</i> ) basikal; Sepeda motor..... ( <i>Mal</i> ) motosikal
serhad	Batas; had ( <i>Mal</i> )
seroka, menyeroka	( <i>Mal</i> ) membuka tanah baru utk sawah
sukan	( <i>Mal</i> ) olahraga

### Variasi Tempatan dalam *KD* dan *KBBI*

Konsep variasi tempatan berkaitan dengan “isme” yang dicerakinkan di dalam kamus-kamus yang disusun di sini disifatkan oleh McArthur (1996:488) sebagai kata yang dapat mengenal pasti konteks penggunaan yang menjadi milik variasi bahasa tertentu. Terdapat tiga unsur “isme”. Pertama, pembentukan kata yang berasaskan konsep, aktiviti, dan keadaan. Kedua, pembentukan unsur linguistik dan stilistik. Dan ketiga, pembentukan kata yang dapat mengenal pasti konteks penggunaan tertentu yang menjadi milik variasi bahasa tertentu. Aspek yang ketiga dianggap paling relevan menjurus kepada konsep variasi tempatan. Penggunaan dan pemilihan kata-kata adalah berdasarkan penglihatan dunia masing-masing meskipun berasal daripada satu bahasa induk yang sama.

Dalam konteks ini, konsep isme BrE dan AmE boleh dikaitkan dengan konsep isme BMM dan BI. Konsep isme yang diterapkan berdasarkan keperluan tertentu agar penutur asli dan bukan penutur asli bahasa Melayu dapat mengenal pasti perbezaan leksikal antara BMM dan BI. Ketiadaan unsur variasi tempatan di dalam kamus yang bahasanya berasal daripada satu bahasa induk yang sama dianggap bersifat *mindless provincialism*. Pada saat kita sedang memperkatakan bahasa Melayu di peringkat global serta gagasan memperkukuh geolinguistik Melayu yang merentas kawasan teras dan bukan teras bahasa Melayu, kewujudan *mindless provincialism* tidak akan membantu pengguna kamus merujuk kamus BMM dan BI sebagai rujukan yang autentik dari segi penggarapan variasi nasionalnya.

Namun maklumat variasi tempatan langsung tidak ditangani oleh *KD* dan *KBBI*, seolah-olah wujud satu konsensus di kalangan penyusun kamus untuk *KD* dan *KBBI* bahawa unsur variasi tempatan tidak penting dalam rangka kerja dan strategi penyusunan kamus. Keputusan editorial untuk tidak memuat entri yang berlabel *Mal* di dalam *KD* adalah kerana konsep

Melayu Malaysia itu tidak harus dilabelkan kerana sasaran *KD* adalah untuk penutur asli bahasa Melayu.<sup>3</sup> Penglihatan dunia yang diungkapkan di dalam entri *KD* merupakan cetusan konteks penggunaan penutur asli bahasa Melayu.

Sepanjang perkembangan kamus ekabahasa di Malaysia dan Indonesia, hanya *Kamus Bahasa Melayu (KBM)* susunan R.O. Winstedt (1960) yang memuat maklumat variasi tempatan. Ini dapat dilihat seperti yang berikut:

**Jadual 9** Maklumat variasi tempatan berdasarkan abjad K dan abjad S.

Nama kamus	BMM		BI		Jumlah	
	Abjad K	Abjad S	Abjad K	Abjad S	Label BMM	Label Id
<i>KD</i>	Tiada	Tiada			Tiada	
<i>KBBI</i>			Tiada	Tiada		Tiada
<i>KBM</i>	6	4	168	81	10	249

Dalam *KBM* susunan R.O. Winstedt, diterapkan unsur variasi tempatan BMM dengan label *Mal*. Dalam abjad K terdapat enam entri yang berlabelkan *Mal* dan empat entri yang berlabelkan *Mal* dalam abjad S. Mungkin pandangan pada ketika itu bahawa *KBM* yang disusun oleh R.O. Winstedt untuk memenuhi keperluan bukan penutur asli bahasa Melayu. Dengan latar belakang R.O. Winstedt sendiri yang berbangsa British dan bukan penutur asli bahasa Melayu, maka maklumat variasi tempatan dirasakan perlu disertakan dengan maklumat variasi asing. Namun, jika benar-benar bahasa Melayu ditonjolkan di peringkat antarabangsa, maklumat variasi tempatan ini cukup penting.

Ada beberapa sebab tiadanya variasi tempatan di dalam *KD* dan *KBBI*. Pertama, belum ada keperluan untuk memasukkan maklumat sedemikian kerana situasi dan politik bahasa pada ketika itu lebih kepada pengukuhan dalaman untuk tujuan kodifikasi dan pembelajaran bahasa penutur asli bahasa Melayu. Dalam era pascamerdeka, tumpuan kodifikasi bahasa lebih kepada pembinaan korpus bahasa Melayu untuk memenuhi fungsinya sebagai bahasa ilmu dari aspek ejaan, nahu dan kosa kata bahasa Melayu.

Kedua, agenda menentang maklumat perbezaan leksikal berasaskan variasi nasional bukan menjadi tradisi di dalam kamus. Hatta di UK dan USA pun penerapannya hanya bermula sekitar penghujung 1970-

3 Pandangan Encik Amdun Hussain selaku salah seorang kumpulan penyusun *KD* 1970.



an apabila bahasa Inggeris mula menunjukkan wibawanya sebagai bahasa antarabangsa. *CED* mula menerapkan maklumat variasi tempatan BrE dalam edisi pertama pada 1979, manakala *Heritage* bermula pada 1976.

Ketiga, konsep *mindless provincialism* hanya muncul sekitar dekad 1980-an. Konsep yang diperkenalkan oleh Ilson ini lebih relevan jika taraf bahasa Melayu sudah mula merentas kawasan tradisional dan bukan tradisional geolinguistik Melayu. Namun isu dan gema globalisasi bahasa Melayu sudah kedengaran agak lama. Dan gema ini langsung tidak disahut oleh kamus-kamus terbitan Malaysia dan Indonesia meskipun *KD* mengalami semakan untuk edisi kedua pada 1989, edisi ketiga pada 1994 dan edisi keempat pada 2005. Begitu juga *KBBI* yang membuat semakan untuk edisi kedua pada 1991 dan edisi ketiga 2001.

Ternyata kedua-dua kamus tersebut langsung tidak memberikan tumpuan kepada unsur variasi tempatan meskipun mengalami semakan semula pada edisi seterusnya. Pengabaian ini sudah tentu mengundang masalah *mindless provincialism* yang tidak akan membantu kedua-dua negara dalam jangka panjang. Apa yang dipertahankan sehingga kini sekadar maklumat variasi leksikal asing yang dirasakan lebih relevan dengan senario bahasa Melayu ketika itu. Tetapi apabila bahasa Melayu mula meningkat prestasinya menjadi bahasa antarabangsa, maklumat variasi tempatan menjadi penting. Kepentingannya lebih berfokus kepada capaian maklumat di dalam kamus yang memaparkan variasi nasional BMM dan variasi nasional BI dalam kamus-kamus ekabahasa terbitan Malaysia dan Indonesia.

Daripada ketiga-tiga pandangan ini, faktor kedua, yakni agenda mengetengahkan maklumat perbezaan leksikal berasaskan variasi nasional bukan menjadi tradisi di dalam kamus dianggap yang paling signifikan yang memungkinkan tiadanya variasi tempatan dalam kamus. Menurut Zainab Awang Ngah (1990:13–34), terdapat 94 kamus ekabahasa yang dihasilkan sepanjang tempoh 1631 hingga 1990 di Malaysia dan Indonesia. Ini bermakna daripada 94 kamus ekabahasa yang dihasilkan sepanjang tempoh tersebut hanya satu sahaja, iaitu *Kamus Bahasa Melayu* susunan R.O. Winstedt yang menerapkan unsur variasi tempatan. Ini menunjukkan bahawa penerapan maklumat variasi tempatan bukan menjadi tradisi dalam penyusunan kamus Melayu-Indonesia. Kamus ekabahasa yang terkenal selain *KD* seperti *Kamus Melayu Global* (1996) dan *Kamus Za'ba* (2001) tidak menerapkan unsur variasi tempatan. Begitu juga kamus ekabahasa di Indonesia selain *KBBI* seperti *Kamus Indonesia* (1950), *Kamus Umum Bahasa Indonesia* (1976) dan *Kamus Bahasa Indonesia* (2 Jilid) (1983).

Apa yang menjadi tradisi dalam kamus-kamus yang dihasilkan ialah kecenderungan untuk memasukkan lebih banyak unsur variasi regional (dialek) berbanding dengan variasi nasional. Ini dipengaruhi oleh faktor sosiolinguistik kerana kamus harus merakam segala bentuk ragam bahasa yang wujud dalam masyarakat. Sesuai dengan konsep *KD* dan *KBBI* sebagai bersifat umum, kamus-kamus ini menangani pelbagai bentuk kosa kata termasuk kata-kata standard, dialek, stilistik (bahasa diraja, bahasa halus, bahasa percakapan, slanga, bahasa kasar), temporal (arkaik, klasik), bidang ilmu dan sebagainya. Variasi regional (dialek) berpotensi memperkaya khazanah kata sesuatu bahasa. Hanya masa yang menentukannya apabila diangkat menjadi kosa kata standard yang sekali gus merentas pemakaiannya di peringkat supranasional.

### Variasi Asing dalam *KD* dan *KBBI*

Yang dimaksudkan dengan variasi asing ialah pelabelan variasi nasional BI di dalam *KD* atau pelabelan variasi nasional BMM di dalam *KBBI*. Konsep variasi asing amat penting untuk melihat kamus menangani selengkapnya variasi nasional lain. Gambaran penerapan variasi asing dapat dilihat seperti yang berikut:

**Jadual 10** Maklumat variasi asing berdasarkan abjad K dan abjad S.

Nama kamus	BMM		BI		Jumlah	Peratus		Peratus Keseluruhan <i>KD&amp;KBBI</i>
	Abjad K	Abjad S	Abjad K	Abjad S		Label Id	Label Mal	
<i>KD</i> , edisi keempat			111	160	271	23.7%		0.77%
<i>KBBI</i> , edisi ketiga	1	1			2		16%	0.0025%

Berdasarkan Jadual 10, *KBBI* mempunyai entri berlabelkan *Mal* sebanyak 2<sup>4</sup> berbanding dengan *KD* yang mempunyai entri berlabelkan *Id* sebanyak 271. Penggarapan keseluruhan entri berlabelkan *Id* dalam *KD* ialah 1141 berbanding dengan *KBBI* yang menggarap keseluruhan entri berlabelkan

4 Senarai entri yang berlabel *Id* dalam *KD* dapat dilihat dalam Lampiran I. Hanya dua entri yang berlabelkan *Mal* dalam *KBBI* iaitu, entri kad dan entri selampit.

*Mal* sebanyak 12. Jika diukur dari segi nisbah peratusan entri berlabelkan *Id* dalam abjad *K* dan *S* adalah sebanyak 23.7 peratus, manakala nisbah peratusan entri berlabelkan *Mal* dalam abjad *K* dan *S* adalah sebanyak 16 peratus.

Namun jika dilihat berdasarkan keseluruhan entri kamus, pemaparan adalah lebih jelas. *KD* dengan jumlah entri sebanyak 35 000 untuk edisi ketiga (28 000 edisi 1970, 30 000 edisi 1989) mempunyai entri berlabelkan *Id* sebanyak 3.26 peratus. Jika berdasarkan abjad *K* dan abjad *S* hanya sebanyak 0.77 peratus. *KBBI* dengan anggaran jumlah entri sebanyak 78 000, (62 100 untuk edisi pertama 1988 dan 72 000 untuk edisi kedua 1991),<sup>5</sup> mempunyai entri berlabelkan *Mal* sebanyak 0.015 peratus. Jika berdasarkan abjad *K* dan abjad *S* hanya sebanyak 0.0025 peratus daripada keseluruhan entri utama kamus.

Berdasarkan maklumat statistik ini, ternyata terdapat ketidakseimbangan yang jelas dari aspek penerapan maklumat variasi asing BI dalam *KD* dan BMM dalam *KBBI*. *Kamus Dewan* menyambung tradisi Winstedt dalam penggarapan maklumat variasi nasional di dalam *KD*. *Kamus Dewan* mempunyai kecenderungan mengoptimumkan pemasukan entri berlabelkan *Id* atas kesedaran untuk menambah kosa kata bahasa Melayu, terutama dari negara yang mempunyai bahasa induk yang sama. Seterusnya penilaian kuantitatif ini menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan untuk menggarap pelabelan variasi nasional semaksimum mungkin untuk membantu pengguna kamus menjejak perbezaan leksikal antara kedua-dua bahasa yang bervariasi ini.

*KBBI* pula meneruskan tradisi kamus Poewadarminta dan kamus Badudu-Zain yang amat kurang menerapkan maklumat perbezaan leksikal berasaskan variasi nasional di dalam kamus. Hanya 12 entri yang berlabelkan *Mal* di dalam *KBBI* dan dua daripadanya terdapat dalam abjad *K* dan abjad *S*. Jika dilihat peratusan entri berlabelkan *Mal* yang hanya membentuk 0.0025 peratus daripada keseluruhan entri yang berjumlah 78 000, jelas maklumat variasi nasional yang berlabelkan *Mal* itu terlalu sedikit dan sukar membuat generalisasi umum tentang penerapan perbezaan leksikal di dalam kamus. Peratusan yang terlalu kecil ini membayangkan betapa kurangnya tumpuan dari aspek penggarapan maklumat variasi nasional di dalam *KBBI*. Ini menjejaskan sedikit fungsinya sebagai rujukan utama kosa kata di luar wilayah Indonesia. Mungkin kerana pandangan sidang editornya bahawa

5 Maklumat daripada bahagian pendahuluan *KBBI* edisi ketiga.

*BI* sudah mempunyai kekuatan dari aspek kosa kata yang dijana daripada koleksi data korpusnya serta jumlah penuturnya yang berjumlah 250 juta orang, maka maklumat variasi nasional lain tidak perlu diketengahkan semaksimum mungkin.

Ada beberapa sebab fenomena ini berlaku. Pertama, kurangnya label *Mal* di dalam *KBBI* adalah kerana ada entri yang sudah tidak dirasakan sebagai Melayu. Maka label *Mal* dihilangkan seperti halnya label bahasa daerah lain. Ini seperti label Minang (misalnya *kedam*, *kasam*, *ketiding*) dan label Jawa (misalnya *keduk*, *kepik*, *keramas*, *kerasan*, *keretabasa*). Leksikon Malaysia yang merupakan sebahagian daripada bahasa Melayu juga merupakan sebahagian daripada *BI* dan tidak perlu dilabelkan.<sup>6</sup> Ini bermakna bahawa semua kata di dalam *KBBI* dapat digunakan secara menyeluruh tanpa melihat lagi labelnya.

Yang kedua, terdapat tanggapan yang berbeza di kalangan pemimpin redaksinya tentang entri yang berlabel *Mal* di dalam *KBBI*. Anton Moeliono selaku pemimpin redaksi edisi pertama *KBBI* berpendapat bahawa label *Mal* perlu dihilangkan agar pengguna kamus selesa menggunakan kata-kata BM sebebannya.<sup>7</sup> Maka dalam edisi pertama *KBBI*, entri yang berlabel *Mal* tidak dimasukkan. Harimurti Kridalaksana, pemimpin redaksi edisi kedua *KBBI* memasukkan semula entri berlabel *Mal* di dalam *KBBI* kerana ada entri yang baru dikenal di Indonesia dan tidak ada dalam bahasa Melayu klasik dan tidak ditemui di dalam kamus Wilkinson atau kamus Poerwadarminta, tetapi jumlahnya agak sedikit untuk memberikan gambaran sebenar tentang variasi bahasa Melayu Malaysia di dalam *KBBI*.

## RUMUSAN

Apakah signifikannya kajian ini? Pertamanya, seperti kata John Algeo (1989:124–126), kamus umum bersifat pelbagai dan amalan pelabelan dibuat secara tidak menyeluruh. Pendapat ini merujuk kepada kaedah pelabelan di dalam kamus-kamus Inggeris ketika menampilkan variasi bahasa di dalam kamus. Perkara ini juga berlaku di dalam kamus-kamus Melayu-Indonesia sewaktu membuat pelabelan unsur variasi bahasa,

---

6 Pandangan Bapak Harimurti Kridalaksana, pemimpin redaksi *KBBI* edisi kedua.

7 Pandangan Bapak Abdul Gaffar Ruskhan, Kepala Bahagian Peristilahan dan Perkamusan Pusat Bahasa. Bapak Gaffar juga merupakan editor kanan *KBBI* edisi pertama, edisi kedua dan edisi ketiga.

terutama yang menyangkut persoalan variasi nasional. Perlu ada inisiatif untuk menggarap maklumat label variasi nasional yang seimbang dalam kamus yang disusun. Ini dapat membantu pengguna kamus, sama ada sebagai penutur asli atau bukan penutur asli mengesan perbezaan leksikal dalam satu-satu variasi bahasa secara tepat.

Keduanya, ini amat penting untuk mencapai tahap kecekapan komunikatif untuk mengatasi masalah mengenal pasti perbezaan leksikal dalam sesuatu variasi nasional. Seperti kata Gunnel Tottie (1988:319), dalam usaha untuk mencapai tahap kecekapan komunikatif yang memberi keselesaan untuk berinteraksi di kalangan warga pengguna bahasa di seluruh dunia, adalah penting untuk mengetahui sama ada sesesatu kata itu merupakan perkataan British atau Amerika, yang bahasa induknya bahasa Inggeris. Yang penting, kamus harus bersifat mesra pengguna yang memungkinkan segala maklumat dapat dicapai dengan mudah oleh pengguna kamus. Yang dimaksudkan sebagai mesra pengguna ialah kamus yang memiliki ciri-ciri tertentu apabila dilihat dari perspektif pengguna kamus. Bagi Kernerman (2001:147) ciri-ciri tersebut merangkumi unsur mudah dan memberikan kepuasan apabila digunakan. Konsep mudah merujuk kepada proses menggunakan sesebuah kamus, manakala memberi kepuasan lebih merujuk kepada hasilnya. Maka pemaparan variasi nasional melalui pelabelan unsur diatopik adalah diperlukan untuk memenuhi fungsi kamus memiliki ciri-ciri mesra pengguna.

Ketiganya, perlu ada sistem yang kemas kini tentang pelabelan variasi kawasan untuk mengelakkan kekeliruan. Untuk mencapai tahap kefahaman menyaling yang efektif, pelabelan maklumat variasi nasional penting untuk membantu penutur asli dan bukan penutur asli mengesan perbezaan leksikal dalam bahasa yang bervariasi. Kelegapan komunikasi akan berterusan jika pengguna kamus tidak dibantu dengan tiang tanda bantuan (*helpful sign-posts*) (Burchfield, 1986:19), yakni label supranasional *Mal* dan *Id*.

Ketidakeimbangan penerapan maklumat perbezaan leksikal berasaskan variasi nasional di dalam kamus di Barat juga berlaku dalam kamus-kamus Melayu-Indonesia. Keadaan ini lebih buruk lagi apabila kecenderungan penyusun kamus lebih tertumpu kepada keperluan dalaman dan jauh sekali melihatnya dari sudut konstelasi bahasa atau geolinguistik Melayu yang merentas kawasan tradisional Melayu dan bukan tradisional Melayu. Apa yang berlaku kini ialah penerbitan kamus ekabahasa di Malaysia hanyalah untuk orang Malaysia dan kamus ekabahasa Indonesia hanya untuk orang Indonesia. Ini bermakna konsep *mindless provincialism* yang dikemukakan oleh Ilson juga berlaku dalam kamus-kamus Melayu apabila menangani isu variasi tempatan ini.

## RUJUKAN

- Aitken, A.J., 1987. "The Extinction of Scotland in Popular Dictionaries of English" dlm. R.W. Bailey (ed.) *Dictionaries of English. Prospect for the Record of Our Language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Atkin, Sue *et al.*, 2002. Nota Kursus "A Training Workshops in Lexicography and Lexical Computing". Brighton England, 15–19 Julai 2002.
- Algeo, J., 1995. "British and American Biases in English Dictionaries" dlm. B.B. Kachru, & H. Kahane (ed.) *Cultures, Ideologies, and the Dictionary*. Lexicographica Series Maior 64, Tübingen: Max Niemeyer Verlag.
